

# Tidak ada desakan — PM'

23 AUG 2002

Oleh ZULKIFLI JALIL  
dan ZULKIFLI ABDULLAH

**N**ILAI 22 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tidak ada desakan daripada lima parti komponen Cina Barisan Nasional (BN) mahu kerajaan menarik balik pelaksanaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik di sekolah khususnya Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

Tegas Perdana Menteri, semua parti terbabit sebaliknya bersetuju dengan dasar pendidikan baru itu yang akan berkuat kuasa tahun depan.

Kata beliau, hanya yang masih menjadi penelitian lima parti berkenaan berkisar cara pelaksanaan bahasa Inggeris dalam dua subjek tersebut.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerajaan tetap akan melaksanakan dasar itu tetapi bagaimana ia akan dilaksanakan akan ditentukan kemudian.

## ● Wujud kempen cuba tukar persepsi Islam didedah — Muka 2

Tegasnya, jika ada pihak yang cuba memainkan isu perkauman berhubung pelaksanaan bahasa Inggeris itu, tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka.

"Ya, kita tegas. Kita akan mulakan tahun depan. Mereka (parti-parti Cina BN) tak kata tarik balik tetapi (cuma bincang) cara pelaksanaannya. Oleh itu, jika ada pihak mainkan isu-isu yang menyebabkan orang gelisah atau mungkin terlibat dengan kegiatan haram, kita akan ambil tindakan.

"Kalau mereka mendakwa kerajaan berhajat untuk menukar sekolah jenis kebangsaan Cina kepada sekolah kebangsaan atau buat dakwaan serupa, sedangkan ada undang-undang yang menghalang kerajaan dan Menteri Pendidikan dari menukar sekolah Cina kepada sekolah kebangsaan, kita akan ambil tindakan undang-undang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan upacara pecah tanah Kampus Tetap Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) di sini, hari ini.

Perdana Menteri mengulas hasil pertemuan beliau dengan empat pemimpin parti komponen Cina BN semalam berhubung

■ Lihat muka 4

## 'Tidak ada desakan — PM

pelaksanaan bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik di SJKC.

Menurut laporan akhbar yang memetik sumber, pertemuan sebelum mesyuarat Kabinet di pejabat Perdana Menteri itu berlangsung dalam suasana mesra dan mencapai hasil positif.

Para pemimpin parti komponen Cina BN itu dalam pertemuan tersebut diketuai oleh Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik dan disertai pemimpin Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik, Presiden Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Tan Sri Dr. George Chan Hong Nam dan Presiden Parti Maju Sabah (SAPP), Datuk Yong Teck Lee.

Seorang lagi pemimpin, Datuk Chong Kah Kiat yang mengetuai Parti Liberal Demokratik (LDP) tidak hadir.

Menurut Dr. Mahathir, parti-parti Cina BN telah berbincang dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dipertanggungjawabkan mengendalikannya isu pelaksanaan bahasa Inggeris di sekolah.

"Kita dengar apa dia punya pendapat, kita akan beri penilaian dan kemudian akan buat keputusan," katanva.

Tegas Perdana Menteri, semua cadangan akan diberi perhatian termasuk dari Gerakan yang mahu kerajaan memperkemaskan pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua sebelum melaksanakannya dalam pengajaran Sains dan Matematik tahun depan.

Selasa lalu, BN mengadakan Mesyuarat Khas bagi membincangkan pelaksanaan ba-

hasa Inggeris di SJKC selepas empat pertemuan parti-parti komponen Cina gagal memberi jawapan meyakinkan terhadap penguatkuasaan dasar itu tahun depan.

Alasan yang diberikan parti-parti terbabit ialah mereka memerlukan masa untuk meneliti perkara tersebut tanpa menetapkan tempoh yang khusus.

Pelaksanaan bahasa Inggeris dipersetujui Kabinet Julai lalu tetapi ditentang keras oleh Dong Jiao Zong dengan alasan ia akan mengakis identiti kaum Cina di negara ini.

Bantahan yang kemudiannya disertai oleh parti pembangkang, Pas dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) menyertakan alasan pelaksanaannya akan menghapuskan kewibawaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Julai lalu, Kabinet memutuskan Sains dan Matematik akan diajar sepenuhnya dalam bahasa Inggeris di tahun 1, tingkatan 1 dan tingkatan 6 rendah di sekolah kebangsaan mulai tahun depan.

Kabinet mahu pengajaran bahasa Inggeris bagi kedua-dua mata pelajaran itu diperkenalkan bagi pelajar di tiga peringkat tersebut.

Ini bermakna, murid tahun 2 hingga enam dan pelajar tingkatan 2 hingga 5 serta 6 atas pada tahun hadapan tidak terlibat dengan dasar baru ini.

Dengan pelaksanaan dasar tersebut tahun hadapan, peperiksaan sepenuhnya dalam bahasa Inggeris bagi dua mata pelajaran itu pada Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) hanya dilaksanakan pada tahun 2008, apabila murid kumpulan pertama ini berada di tahun 6.

Di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR), peperiksaan dalam bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik ini dilaksanakan pada tahun 2005, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) pada tahun 2004, manakala Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2007.